

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |
Tempoh Perlindungan: 20 tahun | Tempoh Bayaran Sumbangan: 20 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

AmMetLifeTakaful

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

AmMetLife Takaful Berhad ialah pengendali takaful keluarga berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga patut membacanya.

Pengendali Takaful	AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful)
Nama Pelan	Protect-i Trust
Tarikh	DD/MM/YYYY

KETAHUI LEBIH LANJUT



Langkah 1

Apakah Protect-i Trust?

Protect-i Trust adalah pelan biasa individu takaful keluarga dengan sumbangan berkala. Pelan ini melindungi kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) keatas peserta semasa tempoh sijil. Ia menyediakan manfaat tambahan untuk kematian akibat kemalangan, indemniti berganda bagi kematian atau HUMK semasa mengerjakan Haji atau Umrah serta manfaat khairat kematian untuk membantu orang yang anda sayangi. Apabila sijil matang, jumlah baki di dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) anda akan dibayar.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- **Wakalah** – Semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima Fi Wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan pelan ini.
- **Tabarru'** – Semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
- **Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.
- **Haji** – Menziarahi Baitullah Al Haram (Kaabah) di Mekah pada bulan-bulan Haji untuk menunaikan ibadah tertentu mengikut terma dan syarat.
- **Umrah** – Menziarahi Baitullah Al Haram (Kaabah) di Mekah pada bila-bila masa untuk menunaikan ibadah tertentu mengikut terma dan syarat.

Langkah 2

Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Jumlah Perlindungan Asas: RM500,000 Tempoh Perlindungan: 20 tahun (sehingga berumur 50 tahun)	
Sebagai ilustrasi, dengan sumbangan RM4,210 setahun, anda akan menerima perlindungan / manfaat berikut:	
Manfaat Kematian atau HUMK	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas serta jumlah DPP akan dibayar.
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Sekiranya peserta meninggal dunia akibat kemalangan, tambahan sebanyak 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar sebagai tambahan keatas Manfaat Kematian
Manfaat Indemniti Berganda semasa mengerjakan Haji/Umrah	Jika peserta meninggal dunia atau HUMK semasa mengerjakan Haji atau Umrah, tambahan sebanyak 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar sebagai tambahan keatas Manfaat Kematian atau HUMK dan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, jika berkenaan.
Manfaat Khairat Kematian	Tambahan sebanyak RM5,000 apabila peserta meninggal dunia.
Manfaat Matang	Apabila sijil matang, jumlah baki dalam DPP anda akan dibayar.

Pengecualian – Pelan ini tidak melindungi sebab-sebab yang berikut:

Manfaat Kematian :

- a) bunuh diri (sama ada semasa waras atau tidak) dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kuatkuasa; atau
- b) di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- c) jika kematian disahkan oleh sebab keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama sijil.

Manfaat HUMK :

- a) cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- b) keadaan sedia ada atau hilang upaya yang bermula atau dihadapi sebelum tarikh kuatkuasa.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan :

- a) serangan atau pembunuhan; atau
- b) percubaan mencederakan diri sendiri, semasa waras atau tidak waras; atau
- c) berlumba kuda atau kenderaan beroda.

Manfaat Indemniti Berganda semasa mengerjakan Haji/Umrah :

Sebagai tambahan kepada pengecualian untuk Manfaat Kematian TPD, kami akan mengecualikan mana-mana yang berikut:

- a) sekiranya kematian/HUMK berlaku dalam tempoh 1 tahun, kecuali jika disebabkan oleh kemalangan; atau
- b) semasa Peserta melakukan ziarah atau melancong di luar Arab Saudi pada tempoh Haji atau Umrah; atau
- c) ia bukan dalam tempoh perlindungan 50 hari untuk Haji dan 15 hari untuk Umrah, atau tempoh perjalanan yang sebenar, yang mana lebih singkat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pelan anda, anda boleh:



Tulis Kepada Kami



1 300 22 9777

ammetlifetakaful.com

customercare@ammetlifetakaful.com

AmMetLife Takaful Berhad (Company No. 201101002936) Level 23, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur.
(T) 1 300 22 9777 | customercare@ammetlifetakaful.com | ammetlifetakaful.com

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |
Tempoh Perlindungan: 20 tahun | Tempoh Bayaran Sumbangan: 20 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.



Langkah 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pelan takaful ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

Sumbangan: RM4,210 setahun

Tempoh Bayaran: 20 tahun

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

Fi Wakalah	Jumlah Fi Wakalah yang anda perlu bayar adalah RM24,629.00 atau 29.00% daripada jumlah sumbangan anda sepanjang tempoh sijil yang merangkumi jumlah komisen ejen sebanyak RM7,199.00 atau 9.00% serta jumlah perbelanjaan pengurusan sebanyak RM17,430.00 atau 21.00%.
Caj Tabarru'	Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan dari DPP anda dan akan diperuntukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda.
Fi Perkhidmatan Bulanan	RM5 akan ditolak secara bulanan daripada nilai DPP anda.
Fi Serahan	RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.

Sumbangan selepas ditolak Fi Wakalah akan diperuntukkan ke dalam DPP anda. Fi Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful.

Langkah 4 Terma dan Syarat Yang Lain

Kepentingan Membuat Pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/tarikh lahir anda dengan betul. Jika tidak sijil anda mungkin terbatal.

Had ke atas Manfaat HUMK – Manfaat HUMK akan tamat dengan serta merta pada tarikh ulang tahun sijil selepas peserta berumur 70 tahun. Jumlah keseluruhan manfaat HUMK setelah ditolak DPP yang akan dibayar bagi semua sijil AmMetLife Takaful adalah terhad kepada RM 2 juta.

Had ke atas Manfaat Indemniti Berganda

- Sijil telah berkuatkuasa selama 1 tahun tempoh menunggu dari tarikh kuatkuasa kecuali jika disebabkan oleh kemalangan.
- Perlindungan untuk Haji atau Umrah masing-masing adalah sehingga 50 dan 15 hari dari tarikh bertolak ke Malaysia, atau tempoh perjalanan sebenar, yang mana lebih singkat.
- Tiada perlindungan disediakan sekiranya peserta melakukan ziarah atau melancong di luar Arab Saudi semasa tempoh Haji/Umrah.
- Manfaat ini hanya boleh digunakan oleh peserta Muslim sahaja.

Lien Juvana – Sekiranya berlaku kematian/HUMK sebelum hari lahir ke-4 peserta, jumlah perlindungan asas untuk manfaat kematian/HUMK, manfaat kematian akibat kemalangan dan manfaat indemniti berganda akan dikurangkan mengikut jadual Lien Juvana.

Tempoh Tangguh – Anda mempunyai 30 hari dari tarikh akhir sumbangan untuk membuat pembayaran. Jika anda tidak membayar sumbangan anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar, sijil anda akan terus berkuatkuasa selagi jumlah DPP mencukupi untuk menampung nilai Tabarru' dan caj lain. Jika tidak, sijil anda akan luput.

Sijil Luput – Sijil akan luput apabila jumlah di dalam DPP anda tidak mencukupi untuk menampung amaun tabarru' dan lain-lain caj.

Sumbangan Tidak Dijamin – Kadar sumbangan TIDAK DIJAMIN dan boleh disemak semula dengan memberi sekurang-kurangnya 30 hari notis lebih awal kepada anda.

Perubahan Butiran untuk Dihubungi – Anda perlu memaklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda/penama untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda/penama anda tepat pada masanya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Tuntutan – Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah sijil anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda.

? Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Tempoh Rujukan Percuma – Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil ini, anda boleh membatalkannya dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ini. Kami akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar ditolak fi pemeriksaan perubahan yang ditangguh, jika ada.

Pembatalan – Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami. Perlu diingat bahawa amaun yang anda terima akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang dibayar.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).